

PENGARUH SEKULARISME DI DALAM SISTEM PENDIDIKAN DUNIA ISLAM

*Oleh: Dr. Hilaluddin bin Abdullah**

Abstrak

Fahaman Sekularisme telah pun merebak ke dalam institusi-institusi pendidikan khususnya di dunia Islam semenjak beberapa dekad yang lampau. Ia mengajak masyarakat agar agama perlu dipisahkan dari semua aspek kehidupan termasuk aspek pendidikan. Penulisan ilmiah ini akan membuat kupasan ringkas mengenai pengaruh Sekularisme di dalam beberapa aspek sistem pendidikan umat Islam secara umum pada hari ini.

Pengertian Sekularisme

Istilah Sekularisme diambil dari kata Sekular yang bermakna keduniaan¹ atau tidak bersifat keagamaan.² Kata Inggerisnya disebut *Secularism*, manakala sebutan Perancisnya ialah *Secularite*. Terjemahan bahasa Arabnya ialah *al-Almaaniyyah* (bukan *al-Ilmaniyyah* yang merujuk kepada ilmu) dinisbahkan kepada alam atau dunia lawan akhirat.³ Kamus Inggeris Melayu Dewan juga menterjemah perkataan Sekularisme sebagai duniawi.⁴

Encyclopedia Britanica menjelaskan Sekularisme sebagai sebuah gerakan sosial yang bertujuan untuk memesongkan orang ramai dari mengambil berat soal akhirat kepada mengambil berat soal-soal duniawi. Ini adalah kerana manusia di zaman-zaman Pertengahan terlalu mementingkan urusan ketuhanan dan akhirat dengan melempar terus hal-hal duniawi. Untuk memerangi kecenderungan inilah maka Sekularis memunculkan dirinya di celah-celah (apa yang dikatakan) kesuburan cetusan manusia, iaitu minat orang ramai kepada ilmu pengetahuan di zaman Kebangkitan serta kemampuan mereka demi menjayakan impian di dalam kehidupan dunia ini. Aliran Sekularisme ini kian berkembang dengan berpanjangannya sejarah baru di mana Sekularisme dikenali sebagai sebuah gerakan untuk memerangi agama dan menghentam ajaran Kristian.⁵

* Pensyarah di Jabatan Usuluddin, KIAS

Faktor-faktor Pertumbuhan Sekularisme

Pertumbuhan Sekularisme di Eropah telah dipengaruhi oleh tiga faktor besar. Ketiga-tiga faktor itu ialah penyelewengan pihak gereja mengenai akidah, penolakan pihak gereja terhadap penemuan-penemuan baru dan perancangan Yahudi menguasai seluruh bangsa dunia.

1. Penyelewengan Pihak Gereja Mengenai Akidah

Penyebab utama pertumbuhan Sekularisme di Eropah adalah berpunca dari ketidakpuasan orang ramai terhadap penyelewengan akidah yang dilakukan oleh pihak gereja yang bermula dari buah fikiran seorang paderi berbangsa Yahudi. Dikatakan beliau telah memeluk agama Kristian melalui ilham. Paderi tersebut ialah *Ponlose Sbaol*. Ia berjaya mempengaruhi Muktamar *Naiqiyyah* pada tahun 325m dengan menetapkan ketuhanan Isa dalam akidah Kristian. Bermula dari sinilah penganut-penganut agama ini mempercayai konsep Trinititi (satu dari tiga).

2. Penolakan Pihak Gereja Terhadap Penemuan-penemuan Baru

Pihak gereja juga telah menyelewengkan kitab suci mereka sendiri dengan memasukkan rekaan-rekaan berbentuk sejarah, geografi (*Christian Topography*), kaji hayat dan cerita-cerita mulut yang masyhur ke dalamnya.⁶ Contoh rekaan yang dibuat oleh mereka adalah seperti mengatakan pelangi itu busur anak panah tuhan yang digunakan untuk bertindak balas ke atas para penderhaka.⁷ Bumi pula dianggap sebagai pusat alam berbentuk mendatar, manakala manusia pula pusat wujud.⁸ Penyelewengan-penyelewengan seperti ini tidak diterima oleh masyarakat khususnya cendekiawan-cendekiawan mereka kerana bercanggah dengan penemuan-penemuan baru yang mereka kaji dari ilmu pengetahuan. Akhirnya pihak gereja telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Mahkamah Pemeriksaan bertujuan untuk menghukum golongan yang dianggap berpaling tadah tadi. Dianggarkan mereka yang telah menerima hukuman mahkamah tadi hampir 300,000 orang. 32,000 dari mereka dibakar hidup-hidup termasuklah *Brono* yang mengeluarkan pendapat berbilang-bilangnya alam. *Galeleo* pula dibakar kerana menyatakan bahawa bumi ini beredar mengelilingi matahari.⁹ Manakala *De Rominas* yang tidak percaya pelangi itu busur tuhan, bahkan ia adalah keterbalikan pancaran

matahari menerusi titisan air telah di penjara sehingga mati. Mayatnya dibawa ke mahkamah untuk dihukum dan kemudiannya dilempar ke dalam api.¹⁰

Semua tindakan kejam pihak gereja ini menimbulkan rasa marah mereka terhadap pihak yang memonopoli kuasa agama itu. Apabila kemarahan tidak dapat dibendung lagi, maka meledaklah semangat kebangkitan rakyat dengan tercetusnya Revolusi Perancis pada tahun 1789. Revolusi diasaskan di atas asas Sekularisme yang tidak berbau agama.¹¹

3. Perancangan Yahudi Untuk Menguasai Seluruh Bangsa Dunia

Dalam Protokol Zionis dinyatakan Yahudilah yang bertanggungjawab terhadap seluruh penyelewengan gereja. Mereka berjaya menghasut pihak gereja supaya menokok tambah isi kitab Injil dan Taurat. Mereka juga menghasut agar pihak gereja menolak segala penemuan yang dihasilkan oleh orang ramai. Mereka mengharapkan dari sikap keras pihak gereja itu akan menimbulkan suatu revolusi bagi memudahkan mereka menjadi tuan kepada semua bangsa dunia.¹²

Penerapan Fahaman Sekularisme di Negara-negara Islam

Penerapan fahaman Sekularisme di negara-negara Islam kerana beberapa sebab sama ada secara terancang atau tidak terancang. Sebab-sebab atau faktor-faktor dapat dirumuskan seperti di bawah:

1. Pengaruh Kemajuan Barat dari Segi Material.

Kemajuan bercorak material yang dicapai oleh Barat telah mengagumkan masyarakat yang mundur terutama dari negara-negara Islam. Keadaan ini membuatkan mereka berkiblat ke Barat dengan datang ke negeri-negeri tersebut untuk mempelajari ilmu sains dan teknologi moden. Tanpa disedari fahaman Sekularisme menyerap masuk ke dalam pemikiran mereka. Apabila mereka pulang ke negeri-negeri asal mereka, fahaman tadilah yang sering dijadikan asas segala tindakan mereka.¹³

2. Kemunduran Negara-negara Islam.

Kemunduran berpunca dari kelemahan umat Islam itu sendiri. Kebanyakan ketua-ketua pemerintah tenggelam dalam hidup mewah dan tidak lagi

mempedulikan kepentingan orang ramai. Perbalahan demi perbalahan berlaku akibat dari kegelojohan mereka merebut jawatan. Ajaran Islam tidak lagi diamalkan untuk membangun negara.¹⁴

3. Kejatuhan Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki

Sultan Abdul Hamid ke II merupakan khalifah terakhir Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki. Dalam masa 30 tahun pemerintahan baginda, baginda tidak membenarkan fahaman Sekularisme menyerap masuk ke negara tersebut. Walau bagaimanapun, setelah robohnya kerajaan ini, maka penerapan fahaman Sekularisme berlaku secara berleluasa.¹⁵

4. Serangan Pemikiran Ke atas Negara-negara Islam

Serangan pemikiran ke atas negara-negara Islam telah dilancarkan dengan pelbagai slogan yang mengelirukan. Antara slogan-slogan yang digunakan ialah pemodenan, kemajuan, perubahan dan pembaharuan masyarakat, pembaratan dan sebagainya. Serangan pemikiran ini sebenarnya mahu supaya umat Islam meninggalkan agama mereka.¹⁶

5. Agen-agen Dalam Penyebaran Fahaman Sekularisme

Agen pertama penyebaran fahaman Sekularisme ialah golongan orientalis yang mengkaji Islam dalam segenap bidang. Lalu dengan semboyan ilmiah pula dilemparkan berbagai-bagai keraguan tentang Islam melalui buku-buku, media massa, akhbar-akhbar dan lain-lain lagi. Peranan ini juga dilakukan oleh missionaris-missionaris Kristian yang cuba membawa fahaman Sekularisme melalui filem-filem, kertas-kertas edaran, panggung wayang, sekolah-sekolah, dan hospital-hospital. Fahaman Sekularisme juga disebarkan oleh anak-anak didik barat yang mengagung-agungkan segala yang datang dari sana. Mereka menggunakan label-label ilmiah seperti M.A dan PhD dalam mempromosikan fahaman Sekularisme tersebut.¹⁷

Pengaruh Sekularisme di dalam Pendidikan di Negara-negara Islam

1. **Bentuk Pendidikan Sebelum Pengaruh Sekular**

Pendidikan Islam yang berasaskan al-Quran dan al-Hadith merupakan teras pendidikan. Ilmu-ilmu lain pula diajar tanpa adanya pemisahan yang turut

menggambarkan kesepaduan ilmu. Sebagai contoh di zaman Rasulullah s.a.w. dikembangkan ilmu al-Quran, dasar-dasar Islam, khat, sejarah, menunggang kuda, memanah dan belajar bahasa asing. Pada zaman keemasan iaitu zaman Abbasiyyah corak pengajian seperti itu masih dikekalkan di mana mata pelajaran yang menjadi perbincangan ilmuan-ilmuan ketika itu ialah ilmu-ilmu wahyu dan lain-lain ilmu seperti matematik, sains, fizik, kimia, ilmu falak, mantik dan falsafah.¹⁸

Pusat pengajian pula bertumpu di masjid di masjid-masjid atau di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan masjid, sesuai dengan peranan masjid itu sendiri. Masjid Nabawi di Madinah merupakan tempat pengembangan ilmu dan sekali gus sebagai tempat untuk melahirkan insan yang bertaqwa. Keadaan ini terus dihidupkan di setiap zaman sehinggalah sampai kepada penubuhan sekolah oleh penduduk *Nisabur* pada akhir abad keempat hijrah. Itu pun disediakan masjid untuk mewujudkan situasi pengajian Islam yang sebenar dan bersepadu.¹⁹

2. Pengaruh Sekularisme di Bidang Pendidikan di Negara-negara Islam

Pengaruh Sekularisme di dalam sistem pendidikan merangkumi aspek-aspek berikut:

1. Pengaruh Sekularisme Terhadap Penggunaan Bahasa Arab dan Tulisan Jawi.

Bahasa Arab dan Huruf Arab adalah penting untuk proses pendidikan di negara-negara Islam, maka sistem pendidikan juga tidak lepas dari terkena pengaruh tersebut. Turki yang menjadi sebuah negara Sekular setelah Mustapha Kamal Atarturk berjaya melenyapkan sistem khilafah Islam telah memerangi bahasa Arab secara habis-habisan.²⁰ Mustapha Kamal Atarturk telah menabur benih kebencian terhadap bahasa Arab kepada para pelajar Turki. Katanya setelah robohnya sistem khilafah, maka hubungan Turki-Arab telah putus. Pengaruh Sekularisme ini menyebabkan Turki kehilangan ilmu pengetahuan yang banyak, yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Arab. Hal ini diakui sendiri oleh seorang profesor, katanya:

"Tindakan kamu melempar huruf-huruf Arab kelak akan menyebabkan kamu hilang ilmu pengetahuan lebih parah dari apa yang dialami oleh Amerika sendiri..."²¹

Ini bermakna orang-orang Turki tidak lagi dapat mengkaji ilmu-ilmu yang terdapat di dalam buku Arab termasuklah al-Quran.

Antara tindakan yang dilakukan oleh Kamal Atarturk dalam usaha menghapus bahasa Arab antaranya:

- a. Azan sembahyang di dalam bahasa Arab telah diubah ke bahasa Turki.
- b. Al-Quran yang berbahasa Arab itu juga telah diterjemahkan ke bahasa Turki kemudian dikatakan terjemahan itu sebagai bahasa ibadat.
- c. Lafaz salam yang berbahasa Arab ditukar ke bahasa Eropah seperti 'hallo' dan 'selamat pagi'.
- d. Semua buku-buku di sekolah Turki telah ditukar kepada bahasa selain dari bahasa Arab.
- e. Semua sekolah-sekolah aliran Arab telah ditukar dengan sekolah-sekolah sekular.²²

Selain dari bahasa Arab, huruf-huruf Arab juga telah diguna secara meluas di dunia. Sebagai contoh, di benua Eropah terdapat tiga bahasa yang menggunakan huruf Arab. Di Asia pula terdapat 26 bahasa yang menggunakannya. Manakala di Afrika pula terdapat lapan bahasa yang jumlah keseluruhannya sebanyak 30 bahasa.²³ Kesemua bahasa tadi mengguna huruf Arab di dalam institusi-institusi pendidikan mereka. Tetapi apabila pengaruh Sekularisme mula menyerap masuk, maka huruf Arab tadi telah di pinggir dan disingkir di dalam sistem pendidikan.²⁴

Di Malaysia umpamanya, bahasa Melayu berharuf Arab yang dikenali dengan tulisan Jawi itu juga mengalami nasib yang sama dengan kemasukan pengaruh Sekularisme. Kedudukan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan di Malaysia diguna secara meluas sebelum pengaruh Sekularisme merebak. Abdullah Munsyi pernah menggambarkan suasana ini dengan katanya:

*Dari zaman nenek moyang pun tidak pernah orang menaruh tempat belajar bahasa Melayu melainkan mengaji Quran sahaja. Dan patut belajar Bahasa Arab, kerana itu berguna kepada agama dan lagi akhirat.*²⁵

Tulisan Jawi ini telah ditohmah sebagai tidak sesuai untuk digunakan di zaman sains dan teknologi serta susah dan sukar untuk dipelajari.²⁶ Akhirnya, tulisan Jawi ditukar dengan tulisan Rumi. Dengan sendirinya istilah-istilah Arab yang terdapat di dalam bahasa Melayu semakin terhapus. Inilah yang berlaku kepada

perkataan kutub khanah, ilmu hisab, tawarikh, ilmu alam dan seumpamanya sudah dilupai orang. Tulisan Rumi telah diperkenalkan secara rasmi dalam penyata pelajaran 1956. Seterusnya Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dengan tegas menghendaki bahasa kebangsaan hendaklah ditulis dengan huruf Rumi. Tulisan Jawi tenggelam dalam arus tulisan Rumi kesan dari buku-buku teks menengah Islam yang diterbitkan dalam tulisan Rumi.²⁷

2. Pengaruh Sekularisme Terhadap Falsafah Pendidikan

Penyerapan pengaruh Sekularisme di dalam pendidikan di negara-negara Islam telah menjadi tamparan yang kuat kepada institusi-institusi pendidikan yang sedia ada. Penjajah-penjajah Barat telah merancang untuk memusnahkan institusi-institusi tadi sepertimana yang pernah digambarkan oleh Profesor Gibb. Katanya:

Pelajaran merupakan sebesar-besar faktor yang sebenarnya dalam usaha pembaratan. Tepat sekali, itulah satu-satunya faktor jika kita memahami makna sebenar pelajaran dan segala persoalannya. Kita tidak dapat menentukan kesan proses pembaratan di dunia Islam kecuali setelah kita melihat sejauh manakah pengajian mereka tentang pemikiran Barat, dasar-dasar dan sistem-sistemnya. Akan tetapi pengajian ini mempunyai pelbagai jenis dan disebabkan oleh banyak pibak. Secara mudah, pastilah ada di sana tindakan sama ada di sekolah, kuliah seni mahupun di universiti. Dengan berjalannya sistem pelajaran corak ini, nescaya perkara-perkara lain akan terbalang perkembangannya (termasuk pendidikan Islam). Kita lihat sistem pelajaran cara Barat ini telah masuk ke negara-negara Islam dalam berbagai-bagai peringkat. Begitu juga kita lihat di sana sudah ada kesan yang lahir dalam cara berfikir menurut Barat dari golongan atasan yang sekular, serta beberapa kerat dari golongan agama di dunia Islam.²⁸

Ramai tokoh-tokoh pendidikan telah terpengaruh dengan fahaman Sekularisme. Di Mesir seorang ulama Universiti al-Azhar bernama Ali Abd. Al-Razeq yang merupakan salah seorang anak murid Syeikh Muhammad Abduh telah mengeluarkan pandangan sekularnya. Antara pandangan itu adalah seperti berikut:

- a. Soal khilafah dan jawatan pemerintahan bukanlah soal agama. Ia adalah termasuk dalam soal perancangan hidup duniawi.
- b. Melemparkan keraguan-keraguan terhadap Islam. Dia pernah berkata: "Adakah Rasulullah boleh menghimpun antara risalah kenabiannya

dengan urusan kerajaan? Atau pun hanya tertumpu kepada risalah kenabiannya sahaja?

Profesor *Gibb* sendiri mengakui adanya pengaruh sekular di kalangan ulama' al-Azhar. Katanya anak-anak murid Syeikh Muhammad Abduh telah menunjukkan suatu sikap yang jelas, bahkan beliau sendiri dalam memperkatakan soal akidah telah menyanggah penerimaan sesuatu tanpa berhujjah. Amalan taklid tidak diterima oleh beliau.²⁹

Sekalipun begitu, untuk merubah Universiti al-Azhar sekali gus adalah sukar. Cara yang diambil oleh penjajah ialah dengan memajukan sekolah-sekolah bukan aliran agama agar sekolah-sekolah tadi dapat menyaingi Universiti al-Azhar. Ketika itu al-Azhar akan berhadapan dengan dua kemungkinan; sama ada ikut dimajukan atau hidup segan mati tidak mahu. Penjajah juga berusaha untuk menyebarkan pengaruh Sekularisme dengan membuka sekolah-sekolah bahasa asing di negeri-negeri Islam. Pada mulanya untuk tujuan kristianisasi. Keadaan ini telah berlaku di Mesir dengan pembukaan universiti Amerika dan kuliah Injil di *Beirut*.³⁰

Keadaan ini juga berlaku di Malaysia. Pada mulanya sekolah-sekolah aliran Inggeris didirikan di Pulau Pinang. Selepas itu diikuti oleh beberapa buah lagi sekolah seperti itu di Melaka, Kuala Lumpur dan Perak. Kemudian untuk melahirkan golongan berfahaman Barat-Sekular dibina pula *Malay College* khusus untuk orang-orang Islam Melayu peringkat atas.³¹ Seterusnya dibina pula sekolah vernakular Melayu yang diisi dengan pelajaran sekular sepertimana menurut Awang Had Salleh.³² Kesan Sekularisme terhadap pendidikan yang sedia ada amat besar. Kelas al-Quran telah diubahsuai dan dianaktirikan, di mana ia diajar di sebelah petang dengan gurunya dibayar gaji oleh ibu bapa masing-masing. Manakala di sebelah pagi pula ditumpukan sepenuhnya kepada pelajaran bahasa Melayu dengan kerajaan sendiri memberi elaun kepada guru bahasa.³³

Pada tahun 1917, terdapat satu usaha untuk menghapuskan pelajaran al-Quran dalam pendidikan di Tanah Melayu oleh R.O *Winstead*. Beliau mencadangkan agar pelajaran al-Quran dikeluarkan dari bidang pendidikan dan diganti dengan pelajaran perkebunan dan anyaman.³⁴ Begitulah pengaruh Sekularisme apabila ia menyerap masuk ke dalam pendidikan di negara-negara Islam. Profesor *Gibb* pernah mengatakan:

Hasil sebenar operasi pelajaran Barat ialah melabirakan beberapa kesan; iaitu mencabut umat Islam dari pengaruh agama mereka tanpa dapat dirasai oleh umat itu biasanya.³⁵

Ada benarnya kenyataan ini kerana kita di Malaysia juga menghadapi masalah dualisme iaitu lahirnya istilah-istilah sekular. Apabila perkataan agama disebut, fikiran orang ramai tertumpu kepada al-Quran, al-Hadith, Tauhid, Fikah dan sejarah Islam sahaja. Manakala dikatakan pelajaran Ilmu Hisab, Kimia, Fizik dan lain-lain ilmu umum, maka dikatakan bukan agama, malah terasing jauh dari agama.³⁶

3. Pengaruh Sekularisme Terhadap Budaya Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi

Oleh kerana Sekularisme memisahkan pendidikan dari al-Quran dan masjid, maka amalan-amalan agama mudah sahaja ditinggalkan tanpa segan-segan. Di Turki, Mustapha Kamal Atarturk telah menganjurkan sistem percampuran antara lelaki dan perempuan sama ada di pihak pelajar atau guru. Mata pelajaran juga disamakan antara lelaki dan perempuan dengan tidak melihat kesesuaian dari segi fitrah masing-masing.³⁷ Di Kuwait sebahagian pelajar yang sebelum ini berhijab telah bergaul bebas antara lelaki dan perempuan dengan pakaian yang menjolok mata.³⁸

Penutup

Pengaruh fahaman Sekularisme di negara-negara Islam kini benar-benar wujud. Ia mencorakkan institusi-institusi pendidikan ke arah pemisahan diri dari agama. Walau bagaimanapun di akhir-akhir ini, masyarakat Islam telah menyaksikan penyingkiran fahaman Sekularisme dari institusi-institusi tersebut. Kongres Pendidikan Islam Se Dunia, di bawah anjuran Universiti al-Malik Abdul Aziz yang berlangsung pada 31 Mac hingga 8 April 1977 telah berusaha ke arah itu. Ia kemudian disusuli dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa demi untuk merealisasikan usaha murni ke arah kesepaduan ilmu dalam Islam.

Nota Hujung

-
- ¹ N.S Doniach, *The Concise Oxford English – Arabic Dictionary of Current Usage* (New York: Oxford University Press, 1991), hlm. 352.
- ² Munir al-Ba'labaki, *al-Manrid* (Beyrut: Dar al-Ilm Lilmalayin, 1987), hlm. 827.
- ³ Muhammad Zain al-Hadi al-Armabi, *Nashab al-Almaniyyah wa Dakhuluha Ila al-Mujtama' al-Islamiyy* (al-Riadh: Dar al-Asimah, 140h), hlm. 22-23.
- ⁴ Dewan Bahasa Pustaka, *Kamus Inggeris Melayu Dewan An English – Malay Dictionary* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1992), hlm. 1420.
- ⁵ Encyclopedia Britannica, vol. IX, h. 19.
- ⁶ Abu al-Hassan al-Nadawi, *Maza Khasir al-Alam Binhitat al-Muslimin* (Kuwait: Dar al-Qalam, 1973), hlm. 191.
- ⁷ Jum'ah al-Khauili, *Adwa Ala al-Ittijabat al-Fikriyyah al-Mu'asirah* (al-Madinah al-Munawwarah: al-Jami'ah al-Islamiyyah, tanpa tarikh), hlm. 23.
- ⁸ Muhammad Qutb, *Mazahib Fikriyyah Mu'asirah*, hlm. 47-48.
- ⁹ Abu al-Hassan al-Nadawi, *op. cit.*, hlm. 192.
- ¹⁰ Jum'ah al-Khauiliyy, *Adwa' Ala al-Ittijabat al-Fikriyyah al-Mu'asirah*, hlm. 23.
- ¹¹ Muhamad Zain al-Hadi al-Armabi, *Nashab al-Almaniyyah wa Dakhuluha Ila al-Mujtama' al-Islamiyy*, hlm. 27.
- ¹² Ibid, hlm. 27-28.
- ¹³ Dr. Ali Jarishah, *al-Ittijabat al-Fikriyyah al-Muasarab* (al-Mansurah: Dar al-Wafa', 1407h), hlm. 78.
- ¹⁴ Ibid, hlm. 78-79.
- ¹⁵ Arnold Tonybe, *al-Islam wa al-Gharb wa al-Mustaqbal*, terjemahan oleh Dr. Nabil Subhi (Beyrut; Dar al-Arabiyyah, 1969), hlm. 9.
- ¹⁶ Dr. Ali Jarishahh, *al-Ittijabat al-Fikriyyah al-Muasarab*, hlm. 80.
- ¹⁷ Ibid, hlm. 80.
- ¹⁸ Hindun bt Lidin, *Kesan Pendidikan Islam Terhadap Perubahan Sikap Pelajar-pelajar UTM* (Tesis Sarjana Pendidikan, UKM, 1986), hlm. 76.
- ¹⁹ Mohd. Athiyah al-Abrasyi, *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*, terjemahan dari "al-Tarbiyyah al-Islamiyyah" oleh H. Bustami A. Geni Djohar Behri L.I.S (Jakarta: Bulan Bintang, 1970), hlm. 82.

-
- ²⁰ Che Yusoff bin Che Mat, *Sekularisme Perkembangannya Dalam Masyarakat Muslim* (Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, 1998), hlm. 41.
- ²¹ Muhammad Zin, *Nashah al-Almaniyyah*, hlm. 92.
- ²² Ibid, hlm. 93.
- ²³ Abdullah Abd. Al-Jabbar, *al-Ghazw al-Fikriyy fi al-Alam al-Arabiyy* (Jiddah: Matabi' al-Raudah, 1980), hlm. 99.
- ²⁴ Lihat Abdullah Hassan, *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia* (Ampang Jaya: Ampang Press Sdn. Bhd. 1987), hlm. 55.
- ²⁵ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah*, jil. 1 (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1974), hlm. 38.
- ²⁶ R.O Winstead, *Kitab Ilmu Bahasa Melayu Penggal 1* (Singapura: Gudang Cap Press & Nib Liminbed, 1927), hlm. 4.
- ²⁷ Lihat Hj. Mohd Khusairi Hj. Abdullah, *Perlaksanaan Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pengantar Pelajaran* (K.L: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1983), hlm. 9. Lihat juga Abd. Rahman Rukaini, *Perkembangan Tulisan Jawi*, Kertas Kerja Seminar *Bahasa Melayu Dan Pembangunan Insan*, anjuran P.U.M. hlm. 3.
- ²⁸ H.A.R Gibb, *Wijhah al-Islam*, Terjemahan Abd. Al-Hadi Abu Raidah (al-Qahirah: al-Matba' al-Islamiyyah, tanpa tarikh), hlm. 214.
- ²⁹ Dr. Ali Jarishah, *al-Ittijabat al-Fikriyyah al-Muasirah*, hlm. 72, 708 dan 109.
- ³⁰ Ibid, hlm. 66 dan 117.
- ³¹ Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee, *Pendidikan di Malaysia* (Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. 1988), hlm. 10.
- ³² Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm. 76.
- ³³ Mok Soon Sang, dan Lee Shok Mee, *Pendidikan di Malaysia*, hlm. 10.
- ³⁴ Awang Had Salleh, hlm. 87.
- ³⁵ A.R Gibb, hlm. 217.
- ³⁶ Haron Din "Bumiputera Dalam Pendidikan" dalam *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*, cet. 2 (Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, 1988), hlm. 48.
- ³⁷ Muhammad Zain, *Nashah al-Almaniyyah*, hlm. 93.
- ³⁸ Ali Muhammad Jarisyah, *Asalib al-Ghazw al-Fikriyy*, hlm. 69.